

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah atau program
yang sedang dirancang dan dilaksanakan pihak Kerajaan berkaitan
penyelarasian dan pengukuhan institusi wakaf di Malaysia.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal bagi semua urusan wakaf di negeri masing-masing adalah bertanggungjawab untuk memastikan wakaf diuruskan dengan sebaiknya.
2. Pengurusan wakaf negeri adalah berpandukan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri atau Enakmen Wakaf Negeri masing-masing. Sehubungan itu, perkembangan dan kemajuan institusi wakaf di Malaysia bergantung kepada keupayaan MAIN untuk memainkan peranan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemegang amanah. Sehingga kini sebanyak enam (6) buah negeri yang menggubal enakmen wakaf negeri masing-masing iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak, Sabah dan Terengganu. Johor pula melaksanakan kaedah wakafnya melalui Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983.
3. Selain itu juga, Kerajaan dalam usaha menggubal Rang Undang-undang Wakaf (Wilayah-wilayah Persekutuan) yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Disember 2020 di mana RUU ini akan menjadi satu undang-undang khusus yang komprehensif dalam mengawal selia hal-ehwal wakaf di Wilayah Persekutuan berbanding peruntukan umum yang terpakai pada masa ini di samping boleh menjadi model negeri-negeri lain untuk menambahbaik perundangan / enakmen wakaf di negeri masing-masing.
4. Dalam konteks penyelarasan dan pengukuhan instisusi wakaf ini juga, Kerajaan menerusi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bersama MAIN sentiasa berkerjasama untuk peningkatan kefahaman masyarakat mengenai wakaf. Sehingga kini, JAWHAR telah menerbitkan lapan (8) buah manual iaitu Manual Pengurusan Tanah Wakaf, Manual Pengurusan Perletakhakan Tanah Wakaf, Manual Pengurusan Istibdal Wakaf, Manual Pengurusan

Perakaunan Wakaf, Manual Pengurusan Wakaf Tunai dan Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf, Monograf Wakaf Irsod dan Panduan Pengurusan Institusi Wakaf Pendidikan. Pada masa kini, JAWHAR dalam rangka menerbitkan lagi satu manual bagi panduan dan sumber rujukan utama MAIN iaitu Manual PengurusanTauzi'(Agihan) Manfaat Wakaf pada tahun 2021 kelak.

5. Tindakan dan langkah-langkah Kerajaan Pusat untuk membangun dan memajukan tanah-tanah wakaf milik MAIN melalui peruntukan bajet pembangunan dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9), RMKe-10, RMKe-11 dan RMKe-12 membuktikan kesungguhan Kerajaan dalam memajukan tanah-tanah wakaf bagi memantapkan ekonomi orang Islam di seluruh negara. Kerajaan melalui JAWHAR dan dengan kerjasama MAIN telah membangunkan 18 projek-projek harta tanah wakaf merangkumi program pembangunan ekonomi, penyediaan perumahan, pendidikan, kesihatan, sosial dan premis perniagaan dalam fokus untuk meningkatkan taraf sosial ekonomi umat Islam dan ianya telah dilihat memberi impak berganda yang amat positif kepada masyarakat Islam secara khususnya selain daripada mampu menjana hasil berterusan kepada dana wakaf MAIN yang berkenaan.
6. Selain daripada itu, pembangunan tanah wakaf milik MAIN juga telah dimajukan menerusi kaedah pendanaan alternatif melalui Strategi Lautan Biru (NBOS) di antara JAWHAR, MAIN, GLC dan pihak swasta di beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Selangor dan Perak.
7. Kerajaan juga telah mengumumkan insentif potongan cukai dalam Belanjawan 2020 di mana sumbangan wakaf tunai kepada pihak berkuasa agama negeri atau badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama negeri layak menikmati potongan cukai. Selain daripada itu, potongan cukai juga diperluaskan kepada universiti awam yang diluluskan untuk menerima wakaf oleh pihak berkuasa. Oleh yang demikian, Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dibuat pindaan dan digazetkan pada 31 Disember 2019 dengan memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen 11 (D) dan ini dilihat sebagai langkah tepat Kerajaan dalam pengukuhan institusi wakaf di Malaysia.

Sekian, terima kasih.